

LATIHAN 4

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu menghantar adik ke sekolah tadika dahulu setelah ke pejabat.

- (ii) Adakah tempat pelancongan dalam negeri dan tempat pelancongan luar negara yang menjadi pilihan kamu untuk bercuti?

- (iii) Robert Hoo berhasrat untuk mendaki Gunung Kinabalu hingga ke puncak tertinggi.

- (iv) Pak Mansor menyatakan yang kerbaunya telah ditembak mati oleh Pak Said.

- (v) Semasa ke pejabat, saya akan bersarapan di warung Mak Som.

LATIHAN 5

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kereta itu terbabas dan terjunam ke dalam gaung.

- (ii) Semua nelayan asing itu ditahan oleh pihak berkuasa sambil menangkap ikan di perairan negara.

- (iii) Lelaki itu menyatakan kerana telur-telur penyu itu tidak boleh diambil sesuka hati.

- (iv) Kata orang, walaupun meminta sedekah di kaki lima, lebih baik melakukan kerja ringan yang diberi upah.

- (v) Pemandu kenderaan tidak dibenarkan memandu masuk ke kawasan pasar yang pada hari Ahad sahaja.
